



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12 tengah hari, 12 November 2024

Untuk Terbitan Media

12 November 2024

## **SIARAN MEDIA**

### **MAJIKAN DISARAN PASTIKAN KESELAMATAN SOSIAL KEPADA SEMUA PEKERJA TERJAMIN**

**KUALA LUMPUR** – Operasi penguatkuasaan bagi memburu majikan yang culas daripada mendaftar dan mencarum dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan dilaksanakan secara berkala.

PERKESO menerusi kenyataan menegaskan, setiap pekerja yang digajikan di Malaysia perlu didaftar dan dicarum, tanpa mengira status kewarganegaraan.

Pematuhan selaras prinsip keadilan sosial dan piawaian antarabangsa ini amat penting demi memastikan setiap pekerja sebagai penggerak utama ekonomi dilindungi jika ditimpa musibah ketika berkhidmat.

"Pekerja adalah aset paling berharga dalam sesebuah organisasi atau perusahaan, justeru mereka wajib didaftar dan dicarum bagi mendapat perlindungan keselamatan sosial.

"Pematuhan ini bukan sekadar kewajipan mengikut lunas undang-undang, tetapi ia bukti keprihatinan majikan terhadap kebajikan pekerja.

"Sehubungan itu, PERKESO tidak akan berkompromi terhadap mana-mana majikan, yang gagal mematuhi peruntukan undang-undang berkaitan keselamatan sosial pekerja selaras konsep Kerajaan MADANI," menurut kenyataan yang diterbitkan, hari ini.

Media sebelum ini melaporkan, PERKESO mengambil tindakan perundangan dilaksanakan baru-baru ini terhadap sebuah syarikat pengeluar minuman berasaskan madu.

Berdasarkan keputusan penghakiman, semua Pengarah Syarikat berkenaan mengaku bersalah atas pertuduhan mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan

Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800), di Mahkamah Majistret Shah Alam, semalam.

Mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM17,500 atas tujuh pertuduhan, termasuk tunggakan caruman PERKESO bagi Akta 4 dan Akta 800, dengan jumlah keseluruhan RM141,054.90.

PERKESO adalah sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab menyediakan perlindungan sosial merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian, dan kehilangan pekerjaan untuk pekerja sektor swasta, pekerja sendiri, serta suri rumah di Malaysia.

PERKESO kekal komited dalam memastikan kesejahteraan pekerja di Malaysia kekal terpelihara melalui pematuhan undang-undang yang ketat.

**Tamat**  
**###**

### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*leaves no one behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**12 November 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Ikliil Fatihah Kamal Redzuan**

**+6019-7107479**

[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)